# BORANG PERMOHONAN PENJADUALAN SEMULA BAYARAN BALIK BULANAN PEMBIAYAAN

| **MAKLUMAT PELANGGAN** | | | |
|---|---|---|---|
| Nama Pelanggan | | | |
| No. Kad Pengenalan | | | |
| No. Akaun | | | |
| Alamat Surat Menyurat | | | |
| Alamat Tempat Bekerja | | | |
| No. Gaji | | | |
| No. Tel (HP/Rumah) | | | |
| Tarikh Bayaran Penyelesaian Sebahagian/ Penuh | | | |
| Amaun Bayaran Penyelesaian Sebahagian/ Penuh (RM) | | | |
| Alamat Emel (Wajib) | | | |
| ***Tanda (/) yang berkenaan**<br><br>Pilihan Penjadualan Semula Bayaran Balik Bulanan Pembiayaan | ☐ | i. **Pengekalan amaun bayaran balik** dan **pengurangan tempoh pembiayaan** melalui penyelesaian sebahagian baki pembiayaan. | Rujuk Lampiran 1 (Terma dan Syarat) |
| | ☐ | ii. **Pengurangan amaun bayaran balik** dan **pengekalan tempoh pembiayaan** melalui penyelesaian sebahagian baki pembiayaan. | |
| | ☐ | iii. **Penambahan amaun bayaran balik** dan **pengurangan tempoh pembiayaan** melalui penyelesaian sebahagian baki pembiayaan.<br><br>*Sila nyatakan pindaan amaun bayaran balik:* ***RM.....................*** | |
| | ☐ | iv. **Penambahan amaun bayaran balik** dan **pengurangan tempoh pembiayaan tanpa** penyelesaian sebahagian baki pembiayaan.<br><br>*Sila nyatakan pindaan amaun bayaran balik:* ***RM.....................*** | |
| Penyelesaian Penuh Baki Pembiayaan | ☐ | v. Bayaran penyelesaian penuh baki pembiayaan tanpa permohonan Penyata Baki Hutang. | |

**Nota Penting:**

1. Pelanggan hanya dibenarkan memilih salah satu daripada pilihan yang diberikan.
2. Pelanggan dikehendaki menyertakan (satu) salinan resit pembayaran penyelesaian sebahagian baki pembiayaan semasa permohonan dibuat (Jika berkaitan).
3. Pelanggan yang telah diluluskan melalui Pilihan i, ii dan iii tidak dibenarkan untuk membuat permohonan mengubah semula bayaran penyelesaian sebahagian tersebut kepada bayaran ansuran bulanan kehadapan.
4. Pelanggan tidak dibenarkan membuat permohonan untuk memanjangkan semula tempoh pembiayaan sekiranya pindaan arahan bayaran balik bagi memendekkan tempoh pembiayaan telah dikeluarkan.
5. Pelanggan dibenarkan membuat permohonan penjadualan semula bayaran balik bulanan dan penyelesaian sebahagian baki pembiayaan sebanyak sekali sahaja dalam setahun dan sebarang tuntutan lebihan bayaran tidak dibenarkan.
6. LPPSA berhak untuk menolak permohonan ini sekiranya permohonan tidak lengkap serta tidak mengikut terma dan syarat yang ditetapkan.

Borang ini beserta dokumen berkaitan perlu dikembalikan kepada LPPSA secara atas talian melalui e-Tiket di pautan https://etiket.lppsa.gov.my atau imbasan kod QR atau diposkan ke alamat LPPSA seperti berikut:

**Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam**
**Kompleks Kementerian Kewangan**
**No.9, Persiaran Perdana, Presint 2**
**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan**
**62592 Putrajaya**
**(u/p: Jabatan Pentadbiran Kredit 1)**

**Imbas Di sini**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa segala maklumat di atas adalah benar dan bersetuju serta memahami maklumat penting berkaitan permohonan penjadualan semula bayaran balik bulanan pembiayaan, memberi kebenaran kepada LPPSA untuk mengumpul, mengguna dan memproses data peribadi saya bagi tujuan menguruskan permohonan saya dan memberi kebenaran kepada LPPSA untuk mengemaskini data peribadi saya sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat terdahulu yang telah saya berikan kepada LPPSA seperti yang dinyatakan di dalam borang ini.

Yang benar,

....................................................
Nama :
No. Kad pengenalan :
No. Akaun/ Fail Pinjaman:
Tarikh:

## TERMA DAN SYARAT: BAYARAN PENYELESAIAN SEBAHAGIAN DAN PENJADUALAN SEMULA BAYARAN BALIK BULANAN PEMBIAYAAN

<table>
<tr><th>NO.</th><th>TERMA</th><th>PENERANGAN</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Kelayakan</td><td>1. Status akaun pembiayaan LPPSA adalah aktif.<br>2. Penjadualan semula bayaran balik bulanan adalah tertakluk kepada kategori pelanggan seperti di bawah:<br>i. Masih berkhidmat<br>ii. Bersara dan berpencen<br>iii. Tiada tunggakan<br>iv. Arahan Potongan Gaji atau Pencen telah terlaksana<br>v. Pembiayaan <u>BUKAN</u> dalam tempoh penangguhan disebabkan cuti tanpa gaji/ separuh gaji.</td></tr>
<tr><td>2.</td><td rowspan="2">Bayaran</td><td>Syarat jumlah bayaran bagi tujuan penyelesaian sebahagian baki pembiayaan adalah seperti berikut:<br>i. Bayaran penyelesaian sebahagian tanpa atau melalui Penyata Baki Hutang perlulah sekurang-kurangnya 6 (enam) bulan amaun bayaran balik bulanan pembiayaan.<br>ii. Pelanggan perlu membayar wang beza sehingga bersamaan atau melebihi jumlah 6 (enam) bulan amaun bayaran balik bulanan pembiayaan sekiranya bayaran penyelesaian yang dibuat melalui pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak mencukupi 6 (enam) bulan.<br>iii. Sekiranya bayaran dibuat kurang daripada 6 (enam) bulan amaun bayaran balik bulanan pembiayaan, bayaran tersebut akan dikreditkan ke akaun pelanggan sebagai lebihan bayaran dan tidak akan mengurangkan baki pokok pembiayaan.</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Proses terimaan bayaran:<br>i. Bayaran yang diterima akan dikreditkan ke akaun pelanggan sebagai lebihan bayaran balik bulanan dan tidak mengurangkan baki pembiayaan secara terus.<br>ii. Pengurangan baki pembiayaan hanya akan diproses setelah permohonan diterima daripada pelanggan.<br>iii. Bayaran penyelesaian sebahagian baki pembiayaan akan dibuat selepas mengambilkira tunggakan (jika ada).<br>iv. Permohonan akan diproses dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh terima permohonan.</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Kadar faedah / keuntungan</td><td>Tiada perubahan pada kadar faedah/keuntungan.</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Pilihan</td><td>Pilihan penjadualan semula ansuran bulanan dan penyelesaian penuh baki pembiayaan adalah seperti di bawah:
<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Pilihan</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Pengekalan amaun bayaran balik dan pengurangan tempoh pembiayaan melalui penyelesaian sebahagian baki pembiayaan.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Pengurangan amaun bayaran balik dan pengekalan tempoh pembiayaan melalui penyelesaian sebahagian baki pembiayaan.</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Penambahan amaun bayaran balik dan pengurangan tempoh pembiayaan melalui penyelesaian sebahagian baki pembiayaan.</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Penambahan amaun bayaran balik dan pengurangan tempoh pembiayaan tanpa penyelesaian sebahagian baki pembiayaan.</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Bayaran penyelesaian penuh baki pembiayaan tanpa permohonan Penyata Baki Hutang.<br>LPPSA berhak membuat tuntutan lanjut terhadap tuan/puan sekiranya terdapat baki pembiayaan atau kos-kos lain yang berkaitan belum dijelaskan selepas pembayaran tersebut diterima.</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Lain-lain</td><td>a. Terma dan syarat asal pembiayaan adalah tertakluk kepada Garis Panduan dan Pekeliling LPPSA.<br>b. Pelanggan dikehendaki mengemukakan permohonan melalui Borang Permohonan Penjadualan Semula Bayaran Balik Bulanan Pembiayaan.<br>c. Permohonan penyelesaian sebahagian baki pokok pembiayaan dan penjadualan semula bayaran balik bulanan boleh dikemukakan melalui laman sesawang berikut: https://etiket.lppsa.gov.my/.<br>d. Pelanggan dibenarkan membuat permohonan penjadualan semula bayaran balik bulanan dan penyelesaian sebahagian baki pembiayaan sebanyak sekali sahaja dalam setahun.<br>e. Penjadualan semula bayaran balik bulanan dengan mengurangkan ansuran bulanan tanpa bayaran penyelesaian sebahagian pembiayaan adalah tidak dibenarkan.<br>f. Penjadualan semula bayaran balik bulanan bagi mengurangkan ansuran bulanan dengan melanjutkan tempoh pembiayaan adalah tidak dibenarkan.<br>g. Permohonan bagi memanjangkan semula tempoh pembiayaan setelah pindaan arahan bayaran balik bulanan telah dikeluarkan adalah tidak dibenarkan.<br>h. Borang Permohonan Penjadualan Semula Bayaran Balik Bulanan Pembiayaan boleh dimuat turun melalui laman sesawang https://myfinancing.lppsa.gov.my/my/pelanggan-sedia-ada.</td></tr>
</table>